

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited. Permission required for reproduction.

Publication: Berita Minggu

Date: Sunday, 22 December 2019

Page: 3

Headline: Program beri peluang anak pesalah asah bakat dalam bidang kegemaran

Link: <https://www.beritaharian.sg/setempat/program-beri-peluang-anak-pesalah-asah-bakat-dalam-bidang-kegemaran>

# Program beri peluang anak pesalah asah bakat dalam bidang kegemaran

► NUR HUMAIRA SAJAT  
 nurhumaira@sp.com.sg

MELIHAT ayahnya diberkas polis di depan matanya gara-gara dadah pada usia 9 tahun, meninggalkan luka mendalam dalam diri Dani (*bukan nama sebenar*). Ia menjelajas pelajarannya sehingga guruunya sendiri berkata dia mungkin gagal ke sekolah menengah. Namun, berkat sokongan program yang ditawarkan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos), Dani berpeluang mengasah bakat dalam sukan kegemarannya, bola sepak. Ini sekali gus menggalih tumpuan daripada masalah keluarga dan memberinya lebih dorongan dari segi akademik.

Kini, Dani, 12 tahun, yang lebih positif dan berdisiplin orangnya, berjaya lanjut ke aliran Normal Akademik di sekolah menengah.

Beliau merupakan antara 320 pelajar di bawah Program Fairy Godparent, kendalian Dami ReGen Iscos, yang menerima Anugerah Dermasiswa Iscos semalam di Auditorium HDB Hub.

Dani juga merupakan antara tiga pelajar di bawah program perintis kegiatan selepas sekolah, satu program yang akan bermula secara rasmi tahun depan.

Program baru tersebut yang diumumkan Setiausaha Parlimen Kanan (Elwah Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Cik Sun Xueling, dalam majlis itu, bertujuan memberi pendidikan menyeluruh dalam bidang luar akademik seperti sukan dan seni, bagi anak-anak banduan dan bekas pesalah yang kurang berkemampuan.

Menurut ibu Dani, Cik Sari (*bukan nama sebenar*), 42 tahun, dia selalu berharap untuk menghantar anaknya ke skademi bola sepak yang mahal, justeru peluang program selepas sekolah itu telah mensyarat penglibatan Dani dalam akademik itu.

“Bukan mudah bagi seorang ibu menjadi pencari nafkah tunggal... Saya mahu anak saya berjaya, dan sukan bola sepak ini juga membantunya tidak terlalu memikirkan ayahnya,” ujar ibu empat anak itu.

Ketika ditemui Berita Minggu (BM), Dani dengan semangatnya berkerat:

“Saya nak jadi macam Ronald! Saya harap dapat jadi pemain bola sepak yang hebat.”

Kisah inspirasi Dani telah disebut dan dijadikan contoh dalam seminar Cik Sun.

“Menyingkap tentang usaha Anugerah Dermasiswa itu, saya berbesar hati mengetahui bahawa Program Fairy Godparent ternas meneroka cara baru untuk menyokong pendidikan holistik, seperti tajaan pengajian tinggi bagi mereka yang mahu lanjutkan pelajaran di dalam bilik darjah.

“Bagi mereka yang ingin mengejar minat di luar bilik darjah, Program Fairy Godparent kini menawarkan kegiatan pengajian selepas sekolah berdasarkan minat pelajar – tidak kira muzik, tarian atau sukan,” ujar Cik Sun.

Beliau turut berkongsi bahawa dermasiswa bermilai lebih setengah juta dolar telah diberikan kepada lebih 1,500 pelajar sejak 2011.

“Setiap pelajar segerai \$100,000 diberikan kepada penerima bantuan dari sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, menurut Cik Sun lagi.

Selain Dani, adik beradik Suzi (*bukan nama sebenar*), 11 tahun, dan Azhar (*bukan nama sebenar*), 12 tahun, turut menerima dermasiswa Iscos.

Sejak menghadiri kelas tuisyen yang ditaja Program Fairy Godparent, mereka berdua menunjukkan peningkatan dalam pelajaran mereka.

“Saya dan Azhar (*bukan nama sebenar*), 35 tahun, yang merupakan bekas pesalah berkata:

“Saya dan suami saya, dua-dua bekas pesalah. Jadi kami risau tentang masa depan anak kami, memandangkan pada mulanya sukar mendapat pekerjaan. Dengan adanya bantuan sebegini, ia betul-betul ringankan beban kewangan kami.


“Kami inginkan yang terbaik untuk anak kami, supaya tak ikut jejak langkah kami dulu.”



**SOKONGAN MASYARAKAT:** Dani dan ibunya, Cik Sari (kedua-duanya nama samaran), antara keluarga yang merahih manfaat daripada Program Fairy Godparent dan hadir pada majlis penyampaian Anugerah Dermasiswa Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (icos) di Auditorium HDB Hub semalam. — Foto BH oleh NG SOR LUAN

**Text:**

**Program beri peluang anak pesalah asah bakat dalam bidang kegemaran**



SOKONGAN MASYARAKAT: Dani dan ibunya, Cik Sara (kedua-duanya nama samaran), antara keluarga yang meraih manfaat daripada Program Fairy Godparent dan hadir pada majlis penyampaian Anugerah Dermasiswa Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) di Auditorium HDB Hub semalam. - Foto BH oleh NG SOR LUAN

By Nur Humaira Sajat

MELIHAT ayahnya diberkas polis di depan matanya gara-gara dadah pada usia 9 tahun, meninggalkan luka mendalam dalam diri Dani (bukan nama sebenar).

Ia menjelas pelajarannya sehingga gurunya sendiri berkata dia mungkin gagal ke sekolah menengah.

Namun, berkat sokongan program yang ditawarkan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos), Dani berpeluang mengasah bakat dalam sukan kegemarannya, bola sepak.

Ini sekali gus mengalih tumpuannya daripada masalah keluarga dan memberinya lebih dorongan dari segi akademik.

Kini, Dani, 12 tahun, yang lebih positif dan berdisiplin orangnya, berjaya lanjut ke aliran Normal Akademik di sekolah menengah.

Beliau merupakan antara 320 pelajar di bawah Program Fairy Godparent, kendalian Dana ReGen Iscos, yang menerima Anugerah Dermasiswa Iscos semalam di Auditorium HDB Hub.

Dani juga merupakan antara tiga pelajar di bawah program perintis kegiatan selepas sekolah, satu program yang akan bermula secara rasmi tahun depan.

Program baru tersebut yang diumumkan Setiausaha Parliment Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Cik Sun Xueling, dalam majlis itu, bertujuan memberi pendidikan menyeluruh dalam bidang luar akademik seperti sukan dan seni, bagi anak-anak banduan dan bekas pesalah yang kurang berkemampuan.

Menurut ibu Dani, Cik Sara (bukan nama sebenar), 42 tahun, beliau sebelum ini tidak mampu menghantar anaknya ke akademi bola sepak yang mahal, justeru peluang program selepas sekolah itu telah menaja penglibatan Dani dalam akademi itu.

"Bukan mudah bagi seorang ibu menjadi pencari nafkah tunggal... Saya mahu anak saya berjaya, dan sukan bola sepak ini juga membantunya tidak terlalu memikirkan ayahnya," ujar ibu empat anak itu.

Ketika ditemui Berita Minggu (BM), Dani dengan semangatnya berkata:

"Saya nak jadi macam Ronaldo! Saya harap dapat jadi pemain bola sepak yang hebat."

Kisah inspirasi Dani telah disebut dan dijadikan contoh dalam ucapan Cik Sun.

"Menjangkaui daya usaha Anugerah Dermasiswa itu, saya berbesar hati mengetahui bahawa Program Fairy Godparent terus meneroka cara baru untuk menyokong pendidikan holistik, seperti tajaan pengajian tinggi bagi mereka yang mahu lanjutkan pelajaran di dalam bilik darjah.

"Bagi mereka yang ingin mengejar minat di luar bilik darjah, Program Fairy Godparent kini menawarkan kegiatan pengayaan selepas sekolah berdasarkan minat pelajar - tidak kira muzik, tarian atau sukan," ujar Cik Sun.

Beliau turut berkongsi bahawa dermasiswa bernilai lebih setengah juta dolar telah diberikan kepada lebih 1,500 pelajar sejak 2011.

Tahun ini, hampir \$100,000 diberikan kepada penerima bantuan dari sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, menurut Cik Sun lagi.

Selain Dani, adik beradik Suzi (bukan nama sebenar), 11 tahun, dan Azhar (bukan nama sebenar), 12 tahun, turut menerima dermasiswa Iscos.

Sejak menghadiri kelas tuisyen yang ditaja Program Fairy Godparent, mereka berdua menujukkan peningkatan dalam pelajaran mereka.

Ibu mereka, Cik Shila (bukan nama sebenar), 35 tahun, yang merupakan bekas pesalah berkata:




"Saya dan suami saya, dua-dua bekas pesalah. Jadi kami risau tentang masa depan anak kami, memandangkan pada mulanya sukar mendapat pekerjaan. Dengan adanya bantuan sebegini, ia betul-betul ringankan beban kewangan kami."

"Kami inginkan yang terbaik untuk anak kami, supaya tak ikut jejak langkah kami dulu."

Translation:

## **Programme to offer opportunities to children of ex-offenders to pursue their interests**



Community Support: Dani and his mother, Madam Sara (both pseudonyms) are one of the families who have benefited from the Fairy Godparent Programme and attended the Bursary Award ceremony held by the Industrial & Services Co-operative Society Ltd (Iscos) at the HDB Hub Auditorium yesterday. – Photo by Ng Sor Luan

By Nur Humaira Sajat

Witnessing his father arrested by the police for drug-related offences in front of his very eyes at the age of 9 left a deep wound on Dani (not his real name).

It affected his studies so much so that his teacher said he might fail to enter secondary school.

However, thanks to the support offered by the Industrial & Services Co-operative Society (Iscos), Dani has the opportunity to hone his talents in his favourite sport, football.

This shifted his attention away from family issues and gave him more motivation in his academic studies.

Now Dani, aged 12, who is more positive and disciplined, has advanced to the Normal (Academic) stream in secondary school.

He is one of the 320 students under the Fairy Godparent Programme (FGP) who received the ISCOS Bursary Awards yesterday at the HDB Hub Auditorium. The programme is managed by ISCOS ReGen Fund.

Dani is also one of three students who were selected to be under the pilot programme for the new After-School Activities initiative, which will officially begin next year.

The new initiative, which was mentioned by Senior Parliamentary Secretary for the Ministry of Home Affairs and National Development Ms Sun Xueling during the ceremony, aims at providing holistic education in pursuits such as sports and the arts for underprivileged children of current and former offenders.

According to Dani's mother, Madam Sara (not her real name), 42, she had previously been unable to send her children to expensive classes at football academy. The sponsorship provided by the after-school programme had given Dani an opportunity to be involved in the academy.

"It's not easy for a mother to be the sole breadwinner of the family...I want my son to succeed, and football also helps him not think too much about his father," said the mother of four.

When speaking with Berita Minggu, Dani enthusiastically said:

"I want to be like Ronaldo! I want to be a great football player."

Dani's inspirational story had been narrated and illustrated in Ms Sun's speech.

"I am also pleased to learn that the Fairy Godparent Programme continues to explore new ways to support a holistic education, such as sponsorship of tertiary education for those who want to further their studies in the classroom."

"As for those who wish to pursue their interests outside the classroom, the Fairy Godparent Programme now offers after-school enrichment activities based on students' interests - and that can be music, dance, or sports," said Ms Sun.

She also shared that scholarships worth more than half a million dollars have been awarded to over 1,500 students since 2011.

This year, nearly \$100,000 has been disbursed to recipients from the primary, secondary and tertiary levels, according to Ms Sun.

Besides Dani, siblings Suzi (not her real name), 11, and Azhar (not his real name), 12, also received Iscos bursary awards.

Since attending tuition classes sponsored by the Fairy Godparent Programme, they have both shown an improvement in their studies.

Their mother, Madam Shila (not her real name), 35 and a former offender, said:

"My husband and I are both former offenders. So we were worried about our children's future, since it was difficult at first. With this help, it really eases our financial burden."

"We want the best for our children, so they do not follow in our footsteps."